

Kempen PruBSN Belanja**Terma & Syarat**

- 1) Kempen PruBSN Belanja ("Kempen") ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang layak (seperti yang ditakrifkan di dalam Klausus 3 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen ini dan Polisi Privasi kami yang boleh diakses di pautan ini: <https://www.prbsn.com.my/en/privacy-policy/>.
- 2) Kempen ini bermula dari **2 Disember 2024**, 12:01AM (waktu Malaysia) hingga **31 Januari 2025**, 11:59PM (waktu Malaysia), termasuk kedua-dua Tarikh ("Tempoh Kempen").
- 3) Kelayakan dan Ganjaran

3.1 Pelanggan yang Layak (pemegang/pemilik Sijil) adalah:

- a) Pemegang Sijil yang masih berkuat kuasa dengan sumbangan tetap pada Pelan Takaful yang dipilih; **dan**
- b) Menerima e-mel daripada PruBSN dengan baucar tunai Bask Bear bernilai RM25

Pelan	Prasyarat Setiap Sijil	Ganjaran/Hadiah setiap Sijil
Pelan Takaful yang dipilih	Pemegang Sijil yang masih berkuat kuasa dengan sumbangan tetap.	Baucar Bask Bear bernilai RM25, terhad kepada SATU (1) penebusan per baucar. Semua produk yang ditawarkan adalah tertakluk kepada ketersediaan, dan sementara stok masih ada.

3.2 Pelanggan PruBSN digalakkan untuk membuat pembayaran secara Debit Terus (FPX) atau Pembayaran Berulang ke atas Kad Debit atau Kad Kredit melalui "PruBSN Touch" atau "Payment Gateway".

Cara-Cara Mendaftar untuk Bayaran secara Debit Terus (FPX) atau Auto-Pemotongan Debit/Kad Kredit Berulang

o **Pembayaran melalui PruBSN Touch**

1. Lawati app.prbsn.com.my/PruBSNTouch.
2. Daftar untuk PruBSN Touch (jika sekiranya Pelanggan PruBSN masih belum berdaftar sebagai pengguna PruBSN Touch).
3. Log masuk ke PruBSN Touch.
4. Klik "Sumbangan" >> "Pendaftaran Pembayaran Berulang".
5. Pilih "Debit Terus (FPX)" atau "Kad Kredit/Kad Debit" sebagai kaedah pembayaran dan pilih satu Sijil untuk pendaftaran pada satu masa.
6. Isikan semua butiran, tandakan kotak deklarasi dan klik "Teruskan".

7. Selesaikan transaksi di Halaman Log Masuk Bank Internet FPX atau Halaman Pembayaran iPay88.
8. Lihat kaedah pembayaran terkini di Halaman Pendaftaran Pembayaran Berulang.

o **Pembayaran melalui Payment Gateway**

1. Lawati www.prubsn.com.my
2. Pilih Pembayaran Online.
3. Isikan butiran Sijil dan peribadi.
4. Selesaikan transaksi di Halaman Log Masuk Bank Internet FPX atau Halaman Pembayaran iPay88
5. Lengkapkan Halaman Pembayaran Berulang
6. Lihat kaedah pembayaran terkini di Halaman Pendaftaran Pembayaran Berulang untuk Sijil yang dipilih melalui PruBSN Touch.

3.3 Sijil mesti terus berkuat kuasa dengan semua bayaran sumbangan telah dikemaskini, tiada pengurangan sumbangan Sijil dan tiada pengeluaran sebahagian.

4) Ganjaran/Hadiah akan dihantar kepada Pelanggan yang Layak dari 2 Disember 2024 melalui e-mel/ejen perkhidmatan. Pelanggan yang Layak boleh pergi ke mana-mana cawangan Bask Bear di seluruh negara, kemukakan baucar dan tuntut makanan percuma. Baucar tunai adalah ditawarkan adalah tertakluk kepada ketersediaan. Terdapat jumlah baucar yang terhad dalam Giveaway ini. Tarikh tamat tempoh baucar akan dinyatakan pada baucar itu tersendiri. Semua Pelanggan yang Layak boleh menuntut baucar selagi stok masih ada.

5) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mengekalkan ketepatan maklumat yang diberikan kepada PruBSN pada setiap masa ke semasa. PruBSN berhak untuk membuat permintaan munasabah bagi maklumat lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan kesahihan mana-mana maklumat yang diberikan, termasuk sama ada ia palsu atau dibesar-besarkan.

6) PruBSN termasuk pekerja syarikat gabungan Prudential (Pekerja Tetap, Sementara dan Berkontrak) dan ahli keluarga terdekat mereka serta ejen (di mana ejen ialah Pelanggan Sijil/orang yang dilindungi pelan) tidak layak untuk Kempen ini.

7) Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah kepada Ganjaran/Hadiah dianggap telah diberikan kepada Pelanggan yang Layak selepas pemberian Ganjaran/Hadiah. Sekiranya Ganjaran/Hadiah dicuri atau hilang atas sebarang sebab atau dalam apa juu keadaan, tiada penggantian akan diberikan oleh PruBSN kecuali jika kejadian tersebut disebabkan oleh PruBSN.

8) Ganjaran/Hadiah yang diberikan di sini tidak boleh dianggap sebagai variasi kepada terma dan syarat Sijil takaful yang dikeluarkan, yang tertakluk kepada peraturan pemprosesan atau pengunderaitan standard PruBSN.

9) Keputusan PruBSN mengenai Ganjaran/Hadiah adalah muktamad, konklusif dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

10) PruBSN berhak untuk meminda dan/atau menukar Ganjaran/Hadiah dengan barang yang sama nilai atas budi bicara tanpa notis terlebih dahulu. Ganjaran/Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau dalam bentuk lain.

11) PruBSN boleh menolak penyertaan sekiranya mana-mana terma dan syarat Kempen ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

12) Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang terpakai, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing AS, Akta Rasuah UK, Ordinan Pencegahan Rasuah Hong Kong, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan mana-mana peraturan dan panduan berkaitan. PruBSN berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak tanpa notis sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang berkaitan dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.

13) Pelanggan yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Pelanggan yang Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.

14) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Kempen ini:

- a) Sekiranya PruBSN mengetahui atau dimaklumkan bahawa Pelanggan yang Layak tersenarai dalam senarai Sekatan, atau diancam untuk dimasukkan ke dalam senarai Sekatan; atau
- b) Sekiranya PruBSN boleh didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini, PruBSN akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak serta-merta dan mengambil apa-apa tindakan lain yang dianggap sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaklumkan mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan tanggungjawab. *"Sekatan" merujuk kepada sebarang langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Pejabat Pelaksanaan Sekatan Kewangan HM Treasury, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Pejabat Pengawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan AS dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong.
- c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klaus 15 ini, dan keupayaan PruBSN untuk menuntut terhadap Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pelaksanaan Klaus 15 ini, akan tetap berlaku walaupun selepas tamat atau luputnya Kempen ini.

- 15) PruBSN berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau penamatan Kempen oleh PruBSN tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau penamatan tersebut.
- 16) PruBSN berhak untuk menambah, memadam, atau mengubah suai Terma dan Syarat Kempen secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Cara pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara munasabah PruBSN, yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada menyiaran di laman web PruBSN atau laman media sosial, e-mel, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh PruBSN.
- 17) Terma dan syarat di sini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 18) Terma dan syarat boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.